

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 MAC 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penyelarasan R&D keselamatan siber mampu lonjak aspek pengkomersialan	BERNAMA
2.	Tiga hari suhu 40 celcius diisytiharkan kawasan kecemasan gelombang haba – Madius	BERNAMA
3.	Isytihar kecemasan gelombang haba	Utusan Malaysia
4.	Tiga hari suhu 40 celcius diisytiharkan kawasan kecemasan gelombang haba – Madius	Astro Awani
5.	'Heat Wave' definition agreed to – MOSTI	Borneo Post
6.	BH menang anugerah MOSTI	Berita Harian
7.	Dedah keselamatan siber	Harian Metro
8.	Agency hobours journalists at awards ceremony	The Star
9.	Rain bringing down temperature in some places	Malay Mail
10.	20 pemain industri berasa bio bakal sertai Johor Bio Talent	BERNAMA
11.	Ribut petir dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini	BERNAMA
12.	Perokok lebih berisiko terkena strok haba	BERNAMA
13.	Imam solat Jumaat di Perlis diminta baca doa istiqsa, mohon hujan	BERNAMA
14.	Kerajaan pertimbang lakukan pembenihan awan tangani cuaca panas	BERNAMA
15.	Pertandingan rekapipta, inovasi boleh pupuk budaya inovasi	BERNAMA
16.	Cuaca panas melampau rencat pelbagai aktiviti	KOSMO
17.	Do not kill interest in science at early age	New Straits Times
18.	Fenomena gerhana bulan penumbra hari ini	Utusan Malaysia
19.	Gerhana Bulan Penumbra pada malam 23 Mac - ANGKASA	BERNAMA



Penyelarasan R&D Keselamatan Siber Mampu Lonjak Aspek Pengkomersilan

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Penyelarasan serta keutamaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) keselamatan siber akan dipertingkatkan bagi melonjakkan aspek pengkomersilan produk dan perkhidmatan industri berkaitan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata usaha itu akan digerakkan oleh satu kerangka integrasi R&D yang menumpukan pembangunan teknologi serta penyelarasan usaha semua pihak yang berkepentingan.

"Ingin saya tegaskan bahawa usaha menjadikan ruang siber yang selamat adalah satu cabaran strategik yang perlu dilaksanakan secara menyeluruh.

"Pembangunan industri keselamatan siber ini akan membolehkan Malaysia menjadi lebih berdaya saing dan berganjak daripada sekadar pengguna kepada pengeluar teknologi serta mewujudkan peluang pekerjaan," katanya berucap pada Majlis Hari Penghargaan CyberSecurity Malaysia 2016 di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) turut menerima anugerah Media Dalam Talian Paling Banyak Memberi Sokongan oleh CyberSecurity Malaysia.

Mengulas lanjut, Madius berkata sejajar senario dengan purata 10,000 pelbagai kes jenayah siber dilaporkan setiap tahun, jelas menunjukkan bahawa CyberSecurity Malaysia berperanan penting bagi memastikan keselamatan perkhidmatan awam, orang ramai serta syarikat perniagaan.

Katanya, kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) telah mengenal pasti keselamatan siber sebagai bidang tumpuan teknologi yang berpotensi memacu Malaysia ke arah ekonomi berteraskan pengetahuan.

Pemantapan inisiatif keselamatan siber itu tidak hanya baik untuk kerajaan tetapi juga syarikat perniagaan Malaysia.

"Ini berikutan kepentingan mengekalkan kepercayaan serta keyakinan terhadap aspek keselamatan dalam talian negara bagi menarik syarikat perniagaan serta pelabur.

"Sehubungan itu, langkah melindungi keselamatan infrastruktur teknologi maklumat adalah amat penting bagi memastikan rakyat bahawa kerajaan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelak ancaman atau jenayah siber ke atas negara ini," katanya.

Pada sidang media kemudiannya, Madius berkata MOSTI telah mengkomersilkan 60 produk R&D pada tahun lepas.

"Sasaran kita adalah untuk mengkomersilkan 60 produk R&D setiap tahun sepanjang tempoh RMK-11. Ini bermakna, kita seharusnya ada 360 produk R&D menjelang tahun 2020," katanya.



Tiga Hari Suhu 40 Celsius Diisytihar Kawasan Kecemasan Gelombang Haba - Madius

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Kawasan yang merekodkan bacaan suhu melebihi 40 Celsius selama tiga hari berturut-turut akan diisytihar sebagai kawasan kecemasan gelombang haba Tahap 3, kata [Menteri Sains Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau](#).

Beliau berkata apabila pengisytiharan itu diumumkan, Jawatankuasa Mengatasi Teknikal El Nino dan Cuaca Kering yang dianggotai pegawai kementerian serta pelbagai agensi lain termasuk Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan akan berbincang sama ada sekolah akan ditutup.

"Keputusan penutupan sekolah tidak boleh dibuat sebarangan. Hanya dibuat berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Meteorologi dan nasihat Kementerian Kesihatan.

"Data tersebut akan diberi kepada semua jawatankuasa terlibat setiap hari pada pukul 4 petang dan terpulang kepada Kementerian Pendidikan untuk membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penghargaan CyberSecurity Malaysia-2015, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Madius berkata tiga kawasan yang sebelum ini dilaporkan merekodkan suhu paling tinggi telah mengalami penurunan suhu setakat 4 petang hari ini iaitu Chuping, Perlis mencatat 36.6 Celsius, Alor Setar, Kedah 35.2 Celsius dan Batu Embun, Pahang 36.6 Celsius.

Menyentuh tentang ancaman siber, beliau berkata bagi tempoh dua bulan pertama tahun ini sebanyak 844 kes pencerobohan siber dan penipuan dicatatkan yang menyaksikan penurunan berbanding 1,201 kes bagi tempoh Januari hingga Februari tahun lepas.

-- BERNAMA

Isytihar kecemasan ikut cuaca terkini

Oleh SAFINA RAMLI
dan SYAZWANI BUSTAMAM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 MAC

KERAJAAN akan mengisytiharkan kecemasan gelombang haba tahap tiga sekiranya keadaan terkini di tempat yang disahkan mengalami cuaca panas telah melebihi suhu 40 darjah Celsius untuk tempoh tiga hari berturut-turut.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, pengumuman mengenai perkara itu akan diputuskan Jawatankuasa Teknikal Menangani El-Nino dan Cuaca Kering berdasarkan data yang disalurkan setiap hari oleh Jabatan Meteorologi.

"Setakat hari ini selepas pukul

4 petang, tiga lokasi mencatatkan suhu tinggi iaitu Chuping, Perlis dan Batu Embun, Pahang (36.6 darjah Celsius), manakala Alor Setar, Kedah (35.2 darjah Celsius).

"Bagaimanapun suhu di tiga lokasi ini mengalami sedikit penurunan berbanding semalam, iaitu Chuping (37.7 darjah Celsius), Alor Setar (35.2 darjah Celsius) dan Batu Embun (37.4 darjah Celsius)," katanya selepas majlis penghargaan Cybersecurity Malaysia di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah Cybersecurity Malaysia, Tan Sri Mohd. Azumi Mohamed.

Menurut Madius, Jawatankuasa Teknikal Menangani El-Nino dan Cuaca Kering itu dianggotai oleh pelbagai agensi, antaranya Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pendidikan.

"Setiap hari Jabatan Meteorologi

akan menyalurkan data mengenai suhu panas di seluruh negara pada pukul 4 petang.

"Data tersebut akan diberikan kepada kesemua agensi yang menjadi anggota jawatankuasa dan Kementerian terlibat.

"Keputusan untuk mengisytiharkan sama ada sekolah ditutup atau tidak bukan dibuat secara sebarangan kerana jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai agensi," jelasnya.

Dalam pada itu Madius memberitahu, ancaman siber di negara ini sehingga Februari tahun ini mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 844 kes berbanding 1,201 kes pada Februari tahun lalu.

"Kes penipuan dan pencerobohan siber kekal menjadi kes terbanyak dilaporkan di negara ini," jelasnya.



MADIUS TANGAU (tiga dari kanan) bersama Mohd. Azumi Mohamed (kiri) dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (dua dari kanan) pada majlis penghargaan Cybersecurity Malaysia 2015 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD SHAHARANI SAIBI



Tiga hari suhu 40 celsius diisytihar kawasan kecemasan gelombang haba - Madius

KUALA LUMPUR: Kawasan yang merekodkan bacaan suhu melebihi 40 Celsius selama tiga hari berturut-turut akan diisytihar sebagai kawasan kecemasan gelombang haba Tahap 3, kata **Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.**

Beliau berkata apabila pengisytiharan itu diumumkan, Jawatankuasa Mengatasi Teknikal El Nino dan Cuaca Kering yang dianggotai pegawai kementerian serta pelbagai agensi lain termasuk Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan akan berbincang sama ada sekolah akan ditutup.

"Keputusan penutupan sekolah tidak boleh dibuat sebarangan. Hanya dibuat berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Meteorologi dan nasihat Kementerian Kesihatan.

"Data tersebut akan diberi kepada semua jawatankuasa terlibat setiap hari pada pukul 4 petang dan terpulang kepada Kementerian Pendidikan untuk membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penghargaan CyberSecurity Malaysia 2015, di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, Madius berkata tiga kawasan yang sebelum ini dilaporkan merekodkan suhu paling tinggi telah mengalami penurunan suhu setakat 4 petang Selasa iaitu Chuping, Perlis mencatat 36.6 Celsius, Alor Setar, Kedah 35.2 Celsius dan Batu Embun, Pahang 36.6 Celsius.

Menyentuh tentang ancaman siber, beliau berkata bagi tempoh dua bulan pertama tahun ini sebanyak 844 kes pencerobohan siber dan penipuan dicatatkan yang menyaksikan penurunan berbanding 1,201 kes bagi tempoh Januari hingga Februari tahun lepas.

'Heat wave' definition agreed to – MOSTI

KUALA LUMPUR: The Meeting of the Technical Committee Tackling the El-Nino and Dry Weather today agreed on the definition of heatwave used by the Meteorological Department that is Level 0: Weather below 35°C (Monitoring); and Level 1: Maximum temperature between 35°C to 37°C for three days consecutively (Alert level).

The **Minister of Science, Technology and Innovations (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** said in a statement today that for Level 2 : the maximum temperature exceeds 37°C for three days consecutively (declaration of heatwave by MOSTI for other parties to take subsequent action such as the closure of schools and so on); and Level 3 : Temperature exceeds 40°C for three days consecutively (Disclosure to the National Disaster Management Agency (NADMA) and the Prime Minister will declare a state of emergency).

He said the latest weather monitoring by MetMalaysia today as at 4.00 pm in nine locations were Batu Embun, Pahang (37.0°C); Chuping, Perlis (37.0°C); Keningau, Sabah (37.0°C) ; Prai, Penang (37.0°C) and Temerloh, Pahang (36.0°C).

Meanwhile in Lubok Merbau, Perak (36.0°C); Ipoh, Perak (36.0°C); Kuala Krai, Kelantan (36.0°C); and Alor Setar, Kedah (36.0°C).

He said a similar situation was also expected for tomorrow (March 22).

Local haze would also occur due to the hot weather and human activities such as industry, motor vehicles and burning of agricultural waste.

“As such, members of the public are advised against carrying out open burning especially involving camping activities. At the same time, the public are advised to limit outdoor activities during the hot weather especially in the afternoon,” he said.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2016/03/22/heat-wave-definition-agreed-to-mosti/#ixzz43gmh4wRT>

BH menang anugerah MOSTI

» Wan Noor Hayati raih penghargaan khas media

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Akhbar BH menerima dua Anugerah Penghargaan Khas Media 2015 pada majlis penghargaan CyberSecurity Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), di sini, semalam.

Anugerah berkenaan adalah Anugerah Sokongan Padu Media Cetak (Akhbar) dan Anugerah Penghargaan Khas Media kepada wartawan Meja Khas BH, Wan Noor Hayati Wan Alias. Hadiah disampaikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah dan Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Tan Sri Mohd Azumi Mohamed.

Turut menerima Anugerah Penghargaan Khas Media adalah wartawan Harian Metro, Afif Hanif.

Dalam pada itu, Tangau



Tangau beramah mesra dengan Afiq dan Wan Noor Hayati pada Majlis Penghargaan Cybersecurity Malaysia 2015, semalam. [FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

pada sidang media selepas majlis itu berkata keputusan pengisytiharan kecemasan gelombang haba tahap 3 berikutan cuaca panas melampau akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal El Nino dan Cuaca Kering.

Tiga lokasi suhu turun

Katanya, keputusan itu dibuat mengikut lokasi yang disahkan mengalami cuaca panas dan kering melebihi 40 darjah celsius untuk tiga hari berturut-turut.

"Setakat semalam (selepas jam 4 petang) tiga lokasi yang

dikenal pasti mengalami cuaca paling tinggi adalah Chuping, Perlis dan Batu Embun, Pahang pada tahap 36.6 darjah celsius dan Alor Setar, Kedah (35.2 darjah Celsius).

"Bagaimanapun, tiga lokasi itu mengalami penurunan suhu berbanding kelmarin, masing-masing 37.7 darjah Celsius di Chuping, Alor Setar (35.2 darjah Celsius) dan Batu Embun (36.6 darjah Celsius)," katanya.

Jawatankuasa Teknikal El Nino dan Cuaca Kering dianggotai pelbagai agensi di bawah MOSTI, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kement-

terian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Mengenai keputusan penutupan sekolah berikutan cuaca panas melampau, Tangau berkata ia tidak boleh dibuat sembarangan, sebaliknya berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Meteorologi dan nasihat Kementerian Kesihatan.

"Maklumat itu akan diserahkan kepada anggota jawatankuasa terbabit setiap hari pada jam 4 petang dan terserah kepada Kementerian Pendidikan untuk membuat keputusan," katanya.

Dedah keselamatan siber

■ Wartawan Harian Metro terima Anugerah Khas Cybersecurity Malaysia

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediapri-
ma.com.my
Kuala Lumpur

Wartawan IT Harian Metro, Afiq Hanif menerima Anugerah Khas Cybersecurity Malaysia yang menghargai sokongan media tempatan dalam memberi pendedahan mengenai keselamatan siber di negara ini.

Afiq antara enam penerima anugerah berkenaan, selain wartawan Meja Berita, Berita Harian (BH), Wan Noorhayati Wan Alias.

Pada majlis sama, BH turut menerima Anugerah Media Cetak Paling Menyokong Cybersecurity Malaysia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Seri Madius Tangau berkata, media memainkan peranan penting menyebarkan maklumat kepada orang ramai terutama perkara dan isu membabitkan mereka.



FAKTA
BH terima
Anugerah Media
Cetak Paling
Menyokong
Cybersecurity
Malaysia

WAN Noorhayati (kiri) dan Afiq bersama sijil penghargaan media Cybersecurity, semalam.

"Dalam beberapa tahun kebelakangan ini dalam era pembangunan teknologi menjadikan kita perlu bergantung kepadanya untuk menerima maklumat terutamanya media sosial

yang kini digunakan secara meluas.

"Media memainkan peranan penting dalam mempengaruhi dan mengubah persepsi khalayak tetapi yang menjadi keutamaan ketika ini adalah maklumat

yang disampaikan mestilah betul dan tepat serta beretika," katanya dalam ucapan Hari Penghargaan Cybersecurity Malaysia di sini, semalam.

Pada majlis itu, dua kategori anugerah disediakan

iaitu Anugerah Media Paling Menyokong Cybersecurity dan Anugerah Penghargaan Individu. Setiap penerima membawa pulang sijil penghargaan.

Bagi Anugerah Penghargaan Individu adalah kali pertama diadakan bagi mengiktiraf sokongan penulis yang terdiri daripada wartawan dan editor yang memaparkan pelbagai isu keselamatan siber.

Madius berkata, pihaknya menghargai jasa media dalam memupuk kesedaran orang ramai mengenai isu keselamatan siber dan membantu meningkatkan imej Cybersecurity Malaysia sebagai organisasi yang boleh dipercayai dalam keselamatan siber.

"Saya dimaklumkan terdapat 1,000 liputan mengenai isu keselamatan siber bersamaan nilai perhubungan awam mencecah RM15 juta. Namun, perkara paling penting ialah kualiti laporan dan maklumat yang jelas dapat disampaikan kepada orang ramai," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 14
TARIKH: 23 MAC 2016 (RABU)

Agency honours
journalists at
awards ceremony

KUALA LUMPUR: Cyber Security Malaysia, the national cyber security agency under the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) celebrated its cooperation with local media at a special "appreciation ceremony" here.

The Star's technology editor M. Madhavan scooped an award for Most Supportive Journalist, along with Avanti Kumar from Computer-World Malaysia and several others at the event held at the Hilton Hotel.

Minister Datuk Seri Madius Tangau said in his speech that the media played a vital role in informing the public about issues that affected them.

He said that one in three Malaysian internet users experienced a cyber crime last year.

"There are an average of 10,000 cases reported each year on various cyber crimes," he said.

Rain bringing down temperature in some places

PETALING JAYA — Rain around the peninsular yesterday brought relief to people in some places as temperatures dropped after nearly three weeks of hot weather.

Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) Minister Datuk Seri Madius Tangau said there had been a decrease of five degrees in Alor Star.

He said the temperature there had fallen from 37 degrees on Monday to 32 degrees yesterday.

"Rain in various places may be a sign that the impact of the heatwave is seeing a reduction but we should still be cautious," he said in a statement.

National Resources and Environment



Minister Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, in a statement, said the hot and dry weather had led to water at four of the 20 dams nationwide monitored by the Irrigation and Drainage department

dropping to critical level.

As of Monday, the capacity of the Labong dam in Johor stood at 14.3 per cent, Kwong dam, Kelantan, (27.9 per cent), Padang Saga dam, Kedah, (38 per cent) and the Timah Tasoh dam, Perlis, (38.8 per cent).

Wan Junaidi said 720 cases of open burning had been reported from Jan 1 until Monday, with the department issuing 56 compounds, 10 warning letters and 19 notices over the period.

He said the Fire and Rescue Department was on the alert for cases of open burning as they could aggravate the heatwave.

Wan Junaidi said the heatwave could affect the marine ecosystem, particularly coral reefs, which were sensitive to changes

in the environment.

"A sudden increase of even two degrees Celsius can stress out the corals, leading to coral bleaching.

"If the sea temperature does not revert to normal in eight consecutive weeks, zooxanthellae, which is the food source for corals and marine life, will disappear, leading to death of both."

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim advised state governments to boost enforcement against trespassers in forests and secondary forests to curb open burning. He also urged them to dig tube wells to increase water supply for agricultural activities and consumption.



20 Pemain Industri Berasas Bio Bakal Sertai Johor Bio Talent

JOHOR BAHRU, 22 Mac (Bernama) -- Sebanyak 20 peserta industri berasaskan bio dari dalam dan luar negara di negeri ini bakal menyertai program Johor Bio Talent yang diperkenalkan dalam usaha untuk memperhebatkan pembangunan modal insan dalam sektor berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech) Wan Amir-Jeffery Wan Abdul Majid berkata 20 syarikat berkenaan merupakan tambahan kepada 17 syarikat yang menyertai program itu tahun lepas.

Menurutnya, kejayaan yang dilakar program itu tahun lepas turut menjadi penyumbang peningkatan peserta industri dalam program terbabit.

"Tahun lalu, kira-kira 71 peratus penuntut institut pengajian tinggi (IPT) daripada 1,831 orang yang dilatih menerusi program berkenaan berjaya mendapat pekerjaan sebelum menamatkan pengajian mereka dan ia merupakan satu petunjuk yang baik.

"Justeru itu, J-Biotech akan memperhebatkan program Johor Bio Talent dalam usaha kita membantu menyediakan modal insan berdaya saing dan berkualiti bagi membangunkan industri itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pada 2014, Johor Bio Talent diperkenalkan oleh J-Biotech dengan kerjasama Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) dan Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Ia merupakan satu program pembangunan modal insan yang menyasarkan golongan mahasiswa di peringkat universiti dengan tujuan menyediakan graduan yang berkeupayaan serta menepati keperluan serta kemahiran diperlukan industri.

Wan Amir-Jeffery berkata program tersebut diperkenalkan dalam usaha pihaknya memastikan kelestarian ekosistem industri berasaskan bio terutama dalam pembangunan dan penyediaan modal insan sentiasa relevan.

Tambahnya, ia bertujuan untuk mempersiapkan graduan industri bio menepati keperluan dan spesifikasi sektor berkenaan.

"Pada masa sama, kita juga bekerjasama aktif dengan pemain industri bagi memastikan setiap latihan dan modul yang diguna pakai dalam program Johor Bio Talent itu berkaitan dengan keperluan semasa," katanya.



Ribut Petir Dijangka Berterusan Sehingga Lewat Pagi Ini

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Ribut petir dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini di perairan Selangor, Negeri Sembilan dan Johor Barat.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi, keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj serta laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

Situasi sama juga berlaku di perairan Selat Melaka.

-- BERNAMA



Perokok Lebih Berisiko Terkena Strok Haba

KUALA LUMPUR, (Bernama) -- Perokok merupakan antara golongan yang berisiko tinggi dan paling mudah mengalami strok haba ketika cuaca panas dan kering berbanding individu yang tidak merokok, kata pengamal perubatan swasta.

Dr Khairul Idzham Abdul Khalid berkata nikotin dalam rokok bukan sahaja menyebabkan perokok terdedah kepada jangkitan paru-paru malah menjadikan tubuh mudah ternyahhidrat (dehidrasi) kerana bahan kimia dalam rokok meningkatkan lagi penggunaan air dalam tubuh.

"Antara tanda-tanda strok haba adalah denyut nadi menjadi pantas. Perlu diingat, nikotin juga menyebabkan jantung seseorang itu berdegup dengan cepat justeru meningkatkan risiko terkena strok haba ketika cuaca panas dan kering," katanya kepada Bernama.

Sehubungan itu, tambah beliau, perokok hendaklah meminum air dengan banyak, dengan jumlah air hendaklah berdasarkan berat badan masing-masing.

"Contohnya, jika berat badan seseorang itu adalah 70 hingga 75 kg, maka dia harus minum kira-kira 3.5 liter air," katanya.

Dalam keadaan biasa, seorang dewasa perlu minum purata lapan gelas (dua liter) air setiap hari manakala kanak-kanak pula kira-kira empat gelas air. Bagaimanapun, jumlah keperluan air adalah bergantung kepada jantina, faktor cuaca dan usia (bagi kanak-kanak) seseorang itu.

Malaysia kini mengalami cuaca panas dan kering yang disebabkan oleh fenomena El Nino dan [Jabatan Meteorologi](#) meramalkan keadaan itu hanya akan berakhir pada Mei atau Jun.

Baru-baru ini, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan sebagai berkata bahawa strok haba berlaku apabila paras suhu badan seseorang itu meningkat melebihi 40.5 darjah celsius. Suhu normal badan manusia adalah 37 darjah celsius.

Katanya suhu tinggi juga mengundang komplikasi kepada sistem saraf otak yang boleh menyebabkan seseorang itu koma dan boleh membawa kematian.

Dr Khairul Idzham berkata golongan yang berumur 40 tahun ke atas dan lima tahun ke bawah juga lebih berisiko terkena strok haba ketika cuaca panas dan kering.

Tegas beliau, ibu bapa perlu memastikan anak-anak meminum air putih secukupnya, sentiasa berwaspada serta memantau aktiviti dan kesihatan anak-anak.

Bagi mengelakkan terkena strok haba, Dr Khairul Idzham menasihati orang ramai agar mengelakkan aktiviti di luar rumah, memakai pakaian yang longgar dan berwarna cerah ketika di luar rumah, mandi lebih kerap, selain mengelakkan makanan dan minuman berkafein, beralkohol dan yang mengandungi kadar gula tinggi.

Beliau menjelaskan antara tanda strok haba adalah sakit kepala berdenyut, mual, kurang berpeluh walaupun dalam suhu panas, denyutan nadi yang pantas, otot lemah dan kejang, muntah, kulit kering dan kemerahan, sawan serta pitam.

"Orang ramai hendaklah berhati-hati dan peka terhadap kesihatan diri, terutamanya jika ada tanda-tanda tersebut. harus segera ke hospital atau klinik berdekatan untuk mendapatkan rawatan lanjut." tambah beliau.

Beliau juga mengingatkan pesakit kencing manis, darah tinggi dan pesakit jantung agar memberi lebih perhatian kepada kesihatan masing-masing.

Dr Khairul Idzham turut menasihatkan golongan yang bekerja di luar rumah serta sering terdedah kepada cuaca panas seperti atlet, polis, tentera dan peladang supaya mengambil langkah-langkah perlu bagi mengelakkan terkena strok haba.

Beliau berkata selain strok haba, penyakit-penyakit seperti jangkitan paru-paru dan demam denggi turut berlaku semasa cuaca panas dan kering.

-- BERNAMA



Imam Solat Jumaat Di Perlis Diminta Baca Doa Istiqsa, Mohon Hujan

KANGAR, 22 Mac (Bernama) -- Jabatan Mufti Perlis menyediakan khutbah khas Jumaat mengandungi doa Istisqa untuk dibaca oleh imam semasa menyampaikan khutbah kedua solat Jumaat minggu ini.

Dalam kenyataan kepada media hari ini, Mufti Perlis Dr Mohd Asri Zainul Abidin mengharapkan seluruh rakyat bersama-sama memohon kepada Allah agar diturunkan hujan bagi meredakan kepanasan melampau yang melanda negeri ini dan negara.

Semalam, Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid mengumumkan semua sekolah di Kedah dan Perlis diarah tutup pada hari ini dan esok.

Keputusan itu dibuat setelah dinasihati Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Kementerian Kesihatan susulan suhu melebihi 37 darjah celsius.

Perlis adalah antara empat negeri di Semenanjung merekodkan bacaan suhu paling tinggi pada 19 Mac lepas berikutan fenomena El-Nino yang melanda negara sekarang.

Berdasarkan bacaan yang direkodkan pada tarikh itu, Chuping di Perlis mencatat bacaan suhu paling tinggi iaitu 39.5 darjah celsius di ikuti Alor Setar, Kedah yang mencatat 39.1 darjah celsius.

Menurut Pengarah Jabatan Meteorologi Perlis, Muhammad Khalil Ab Jalil pada pukul 12 tengah hari ini, suhu maksimum direkodkan di negeri ini ialah 37.7 darjah celsius.

-- BERNAMA



Kerajaan Pertimbang Lakukan Pembenihan Awan Tangani Cuaca Panas - Shahidan Kassim



KANGAR, 23 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan pembenihan awan dalam usaha menangani keadaan cuaca panas dan kering yang dialami sekarang, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Namun beliau berkata usaha itu bergantung kepada keperluan dan cuaca yang membolehkan pembenihan awan untuk mewujudkan awan kumulonimbus dilakukan.

"Selain itu kerajaan negeri pula perlu mempertingkatkan penguatkuasaan bagi memastikan kawasan hutan dan belukar tidak diceroboh dan mencegah kebakaran terbuka," katanya dalam kenyataan kepada Bernama di sini hari ini.

Statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menunjukkan kebakaran terbuka dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab dan kerajaan negeri mesti mengambil tindakan untuk membendung perbuatan ini, tambahnya.

Shahidan berkata, bagi penyelesaian jangka panjang untuk memperoleh air, beliau berkata telaga tiub boleh diadakan sebagai alternatif untuk pengaliran dan simpanan sumber air.

"Air boleh disedut dari telaga tiub di bawah tanah pada musim biasa atau kemarau sepanjang tahun untuk dialirkan ke kawasan kering pada musim panas," kata Shahidan.

Beliau turut menasihatkan orang ramai agar mengurangkan aktiviti luar dan minum banyak air bagi memastikan badan mereka tidak mengalami hidrasi.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan cuaca panas dan kering akibat fenomena El-Nino berakhir pada bulan Mei atau Jun ini.



Pertandingan Rekacipta, Inovasi Boleh Pupuk Budaya Inovasi - Siringan

KOTA KINABALU, 22 Mac (Bernama) -- Pertandingan Rekacipta dan Inovasi ke-12 (Projex-12) yang diadakan di Politeknik Kota Kinabalu dapat memupuk budaya inovasi dalam masyarakat, kata Menteri Pembangunan Sumber Manusia dan Teknologi Maklumat Sabah, Datuk Siringan Gubat.

Beliau berkata satu daripada cabaran untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi ialah mewujudkan budaya progresif, kreatif dan inovatif untuk menyumbang ke arah pembangunan sumber manusia dalam bidang sains dan teknologi.

"Tenaga kerja sains dan teknologi memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi negara. Penganjuran acara seperti Projex-12 adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menarik minat terutama generasi muda tentang pentingnya inovasi dan kreativiti.

"Saya berharap pertandingan ini terus diadakan pada masa depan untuk melahirkan pelajar yang berinovasi dan berdaya saing tinggi bagi meningkatkan produktiviti negara," kata beliau pada majlis penutup Projex-12 hari ini.

Pertandingan pusingan akhir ialah sebahagian daripada projek tahun akhir yang dijalankan oleh 200 pelajar diploma dari jurusan sivil, elektrik dan mekanikal serta jurusan pelancongan dan hospitaliti.

Sebanyak 50 projek terlibat dalam pertandingan itu anjuran Politeknik Kota Kinabalu dengan kerjasama Petrosains Sdn Bhd untuk memberi platform kepada pelajar menentengahkan bakat dan memanfaatkan kemahiran teknikal dalam bidang atau program yang dipilih.

Pengarah Politeknik Kota Kinabalu, Roslee Yahya berkata bahagian dua produk utama yang meraih kemenangan dalam kategori kejuruteraan dan bukan kejuruteraan akan memperoleh hak untuk paten atau inovasi utiliti mereka berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO).

Panel juri terdiri daripada 10 anggota termasuk dari Petrosains Sdn Bhd, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Panaroma Paradise, Lembaga Koko Sabah dan [SIRIM Sabah](#).

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 32 & 33 TARIKH : 23 MAC 2016 (RABU)

KAWASAN hutan mudah terbakar ketika cuaca panas dan kering.



ORANG ramai kerap mengunjungi pusat-pusat rekreasi air untuk beriadah bersama keluarga ekoran cuaca panas yang berlaku sejak Januari lalu. - Gambar hiasan

SEORANG petani dari Kangar, Perlis, Ahmad Saad meninjau kawasan sawah padirya yang kering kontang selepas hujan tidak turun hampir sebulan lalu.

ORANG ramai disarankan supaya minum air lebih kerap pada musim cuaca panas bagi mengelakkan kekejangan badan.

Cuaca panas melampau rencat pelbagai aktiviti

RONA
alam

PENINGKATAN suhu panas yang ketara melanda negara ini sejak Januari lalu. Ia berpunca daripada fenomena El Nino yang menyebabkan beberapa kawasan terutamanya di utara Semenanjung Malaysia menjadi kering-kontang.

Berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), cuaca panas itu dijangka berterusan sehingga April ini dan didakwa menyamai kekuatan El Nino yang pernah berlaku pada 1997 dan 1998.

Kesan daripada perubahan cuaca itu sangat besar sehingga menyebabkan beberapa pihak terutamanya petani dan penternak mengalami kerugian apabila hasil tanaman serta ternakan mereka rosak atau tidak menjadi.

Di beberapa buah negeri seperti Perlis dan Kedah, pesawah mengalami kerugian besar apabila petak sawah mereka kering-kontang akibat kekurangan air manakala penternak ikan di sepanjang Sungai Pahang pula terpaksa menghentikan sementara aktiviti berkenaan ekoran paras air yang cetek.

Bukan itu sahaja, cuaca panas

melampau yang melebihi paras purata suhu normal antara 22 darjah Celsius hingga 32 darjah Celsius itu turut berbahaya kepada sebarang aktiviti luar terutamanya melibatkan pelajar sekolah. Ini kerana ia boleh menjejaskan kesihatan dan menyebabkan berlakunya strok haba.

Kesan

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, fenomena suhu panas melampau juga boleh mengundang kesan lebih besar termasuk kematian, jerebu akibat kebakaran hutan atau pembakaran terbuka, krisis bekalan air dan penularan penyakit bawaan vektor, air serta makanan.

Menurut beliau, cuaca panas pada hari biasa boleh mencapai antara 28.6 darjah Celsius hingga 35 darjah Celsius manakala pada hari panas, ia boleh meningkat kepada 35 darjah Celsius hingga 37 darjah Celsius di

negara ini.

"Cuaca panas yang berterusan melebihi 35 darjah Celsius dalam tempoh lima hari secara berturut-turut pula boleh menyebabkan berlakunya gelombang panas dan ia sangat berbahaya kepada kesihatan manusia."

"Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengingatkan orang ramai supaya sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menghadapi situasi ini. Orang ramai juga dipalakkan memantau suhu di kawasan sekitar masing-masing melalui laman web MetMalaysia, www.met.gov.my," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah MetMalaysia, Datuk Che Gayah Ismail pula memberitahu, fenomena Ekuinoks yang berlaku pada Ahad lalu turut memburukkan keadaan apabila ia menyebabkan peningkatan suhu melampau sehingga mencecah hampir 40 darjah Celsius.

Ekuinoks merujuk kepada

satu kejadian astronomi yang menyaksikan garisan Khatulistiwa Bumi melalui pusat Matahari sebanyak dua kali dalam tempoh setahun.

Selain Malaysia, beberapa buah negara lain yang terjejak berdekatan dengan garisan Khatulistiwa turut mengalami peningkatan suhu termasuk India, Singapura, Myanmar, Indonesia, Thailand dan Emiriah Arab Bersatu.

Tempoh singkat

Walaupun Ekuinoks dikatakan hanya berlaku dalam tempoh yang singkat iaitu antara dua hingga lima minit pada waktu tengah hari, beberapa kawasan di negara ini merekodkan peningkatan suhu yang mencecah sehingga melebihi 37 darjah Celsius.

Pada Ahad lalu, kawasan Chuping, Perlis mencatatkan suhu tertinggi iaitu 39.5 darjah Celsius diikuti Alor Setar, Kedah (39.1 darjah Celsius), Perai, Pulau Pinang (38 darjah Celsius), Ipoh, Perak (37.5 darjah Celsius) dan Temerloh, Pahang (37.4 darjah Celsius).

Pada hari yang sama juga,

sebanyak 11 kes kelesuan haba telah dicatatkan di seluruh negara selain tiga kes lagi berkaitan strok haba.

Lebih mengejutkan, seorang daripada tiga lelaki yang maut ketika sedang melakukan aktiviti mendaki gunung pada Sabtu lalu juga menemui ajal. Mangsa diyakini meninggal dunia akibat strok haba.

Mangsa, Muhammad Hannan Kamarzaman, 26, dilaporkan maut selepas tidak sedarkan diri di kaki bukit sejurus menamatkan aktiviti mendaki Gunung Datuk dekat Rembau, Negeri Sembilan bersama rakan-rakannya.

Kementerian Pendidikan Malaysia turut mengambil langkah berjaga-jaga dengan memantau suhu di beberapa kawasan di negara selain mengumumkan sekolah di Kedah dan Perlis ditutup selama dua hari bermula semalam bagi mengelak sebarang kejadian tidak dilingi berlaku terutamanya melibatkan kesihatan pelajar.

Justeru, fenomena cuaca panas melampau yang berlaku ketika ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia benar-benar terbukti mengancam keselamatan manusia dan boleh membawa kepada kematian.

CUACA panas melampau yang berlaku ketika ini boleh mengancam kesihatan terutamanya kepada pelajar sekolah. - Gambar hiasan



Do not kill interest in Science at early age

THE dwindling number of students entering the Science stream is a matter of great concern. To produce a strong, reliable workforce in science-related fields in the future, we must first educate more students in the discipline.

The subject must create a genuine interest and passion for children to master it at the highest level. Unfortunately, there seems to be a lack of interest, judging by the number of students in the Science stream. The reason is how the subjects are taught and tested at primary level.

In lower primary, Science classes are fun, but in upper primary, the classes get tedious, and some children start to dislike the subject.

Children at this age are keen to learn about the world around them and beyond. They are naturally curious about how and why things work and would like to have their questions answered. Questions such as how an eclipse occurs, why the coconut tree can withstand strong winds and why iron rusts. But instead of presenting them with interesting images, facts and figures, they are bombarded with charts and tables, followed by questions pertaining to the experimental aspect of the topic.

Take, for example, a lesson on friction. The topic is well explained in the beginning, with examples of how useful or damaging friction can be in our daily lives. It is followed by an explanation on how to reduce or increase friction ac-

cordingly. However, later, in an examination, a different approach is used to test the children's understanding of the subject.

Not having enough time to conduct experiments (the practical textbook is hardly used beyond the first few experiments), children are unable to understand a table showing the results of a finding on the effects of friction on a constant variable.

Obviously, this is meant to test whether they understand the constant, manipulated and responding variables. They even have to write down the inference, predict an outcome and provide a suitable conclusion for the experiment. How can children at the age of 10 to 12 handle that?

Those able to grasp concepts quickly can manage the questions. Most, however, struggle to understand the terminologies. Are they supposed to learn the facts in an interesting way or memorise the answer, taking care not to miss a word or two because this may cost them an A in the examination? Even if they are interested and good with explanations, they must know how to place the words correctly for the question on the inference and objective of the experiment. All this drilling to regurgitate the correct sentence for the highest possible mark has, sadly, killed any interest in the subject.

Of course, students learn that stability is affected by height and base area, for example. If asked to compare two brick towers of dif-

For primary school pupils, Science should be a fun subject.

ferent heights, they may be able to point out which will topple first. But when given an elaborate table of numbers or bar graphs showing the time taken for both towers to topple and asked which is more stable, they freeze. Why? They fear not being able to string a proper sentence to explain why.

Why does Science for primary school have to be so complicated? Can't children just learn the simple facts and later, in secondary school, learn the objectives, inferences and determination of variables?

I am sure students in the 1980s will well remember the Alam Dan Manusia subject. It was fun learning and easy enough to be digested by children. We also did not have Science as part of our Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) examination.

Teachers focused on grammar skills, both in Bahasa Malaysia and

English, and we had ample time to improve our computational skills. It is important to note that Mathematics must be mastered at primary level before proceeding to learn Science at a higher level. This strong foundation allowed many of us to enter the Science stream and become professionals in the fields of medicine, engineering, etc.

Unfortunately today, children don't even have time to memorise multiplication tables and get their basic arithmetic correct. They enter Year Six, only to struggle to relearn the basics and eventually fall behind their peers.

There is also too much on their plate. Subjects like Kemahiran Hidup, Kajian Tempatan and Pendidikan Sivik take up to three hours a week, time that can be used to polish language and mathematical skills.

For the next Kurikulum Standard Sekolah Rendah cohort, there's al-

so a lot on the weekly timetable. Are ICT and Design (Rekabentuk Dan Teknologi) as standalone subjects absolutely necessary? Can't these be integrated into the Science subject?

For a smooth transition to secondary school, a child needs a strong foundation in language to read and write well in both Bahasa Malaysia and English, a good grasp of Mathematics and an introduction to Science, without being put off by complex charts, tables and graphs.

Perhaps the government can consider removing Science from the UPSR examination, so that children will not shun the subject in secondary school. Keep the teaching and learning of Science simple and fun.

SHAMSUN NISHA SHAHUL HAMID,
Subang Jaya, Selangor



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 23 MAC 2016 (RABU)

Fenomena gerhana bulan penumbra hari ini

KUALA LUMPUR 22 Mac -

Rakyat negara ini berpeluang menyaksikan fenomena gerhana bulan penumbra yang akan berlaku esok.

Ketua Unit Komunikasi Korporat Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Wan Hakimah Abd. Rahim berkata, fenomena tersebut hanya dapat disaksikan apabila bulan mulai terbit pada pukul 7.21 malam sehingga 9.55 malam, ketika bulan keluar sepenuhnya daripada bayang penumbra bumi.

"Ini merupakan gerhana bulan pertama tahun ini dan diameter bulan yang dilihat adalah lebih kecil daripada diameter purata bulan memandangkan gerhana berlaku 2.1 hari sebelum bulan berada pada kedudukan paling jauh dengan bumi atau kedudukan "Apogi" 77.5 peratus. Bulan akan melintasi bayang penumbra bumi semasa fasa maksimum," katanya hari ini.

Katanya, Angkasa serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Starfield Instruments Supply akan menganjurkan program sempena gerhana bulan penumbra esok, bermula pukul 7.30 malam hingga 9.30 malam di Planetarium Negara.



Gerhana Bulan Penumbra Pada Malam 23 Mac - Angkasa

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan fenomena Gerhana Bulan Penumbra yang akan berlaku pada Rabu ini (23 Mac).

Ketua Unit Komunikasi Korporat Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Wan Hakimah Abd Rahim dalam satu kenyataan di sini berkata fenomena gerhana tersebut hanya mula dapat disaksikan apabila bulan mulai terbit pada pukul 7.21 malam sehingga 9.55 malam ketika bulan keluar sepenuhnya dari bayang penumbra bumi.

"Ini merupakan gerhana bulan pertama tahun ini dan diameter bulan yang dilihat adalah lebih kecil daripada diameter purata bulan memandangkan gerhana berlaku 2.1 hari sebelum bulan berada pada kedudukan paling jauh dengan bumi atau kedudukan "Apogi" 77.5 peratus.

"Bulan akan melintasi bayang penumbra Bumi semasa fasa maksimum," katanya.

Beliau berkata pihak ANGKASA; **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** dengan kerjasama Starfield Instruments Supply akan menganjurkan program Gerhana Bulan Penumbra mulai pukul 7.30 malam hingga pukul 9.30 malam di Planetarium Negara.

Menurutnya ANGKASA akan menyediakan beberapa teleskop untuk tujuan mencerap Gerhana Bulan Penumbra dan planet Musytari selain orang awam dialu-alukan untuk membawa teleskop sendiri.

-- BERNAMA